



PERMOHONAN MENDAPATKAN TAULIAH MENGAJAR UGAMA, MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

A. PEMOHON:

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon warganegara luar negeri hendaklah berkhidmat di sektor swasta di Negara Brunei Darussalam dan hendaklah menjawat jawatan Guru Ugama/ Guru Al-Quran [kebenaran Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam].
3. Pemohon beragama Islam dengan berpegang kepada aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
4. Pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas;
5. Pemohon memiliki kesihatan yang baik;

B. KATEGORI PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR UGAMA:

Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama, Majlis Ugama Islam dibahagikan kepada 3 jenis kategori Tauliah:

1. Tauliah Kebenaran Mengajar Al-Quran;
2. Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama:
 - (i) Mengajar Ugama melalui kitab-kitab yang muktabar, termasuk kurikulum mata pelajaran ugama Islam yang telah ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Mufti Kerajaan.



- (ii) Mengajar agama secara terhad kepada mata pelajaran agama Islam dan Bahasa Arab yang telah ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Mufti Kerajaan.

3. Tauliah Kebenaran Berceramah Ugama.

C. SYARAT-SYARAT TAULIAH

1. Syarat Tauliah Kebenaran Mengajar Al-Quran

- (i) Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU), Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) yang sebanding dengannya; atau
- (ii) Pernah mengikuti pengajian al-Quran yang diperakui atau pengajian talaqqi al-Quran; atau
- (iii) Boleh membaca Al-Quran dengan fasih dan lancar yang menepati hukum tajwid;

2. Syarat Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama dan Berceramah Ugama:

- (i) Mempunyai kelulusan tertinggi dalam bidang keugamaan sekurang-kurangnya Diploma.
- (ii) Boleh membaca Al-Quran dengan fasih dan lancar yang menepati hukum tajwid;
- (iii) Mempunyai ilmu pengetahuan asas fardhu ain dan fardhu kifayah yang kukuh.



- (iv) Mempunyai pengetahuan kerasmian dengan adat istiadat, kebudayaan dan amalan-amalan lazim yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam.

D. BORANG PERMOHONAN:

1. Borang Permohonan Tauliah Mengajar Ugama Majlis Ugama Islam Brunei boleh didapati melalui Pejabat Jabatan Majlis Ugama Islam atau laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama.
2. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan menyertakan dokumen-dokumen:
 - (i) 1 keping gambar terkini berukuran pasport [bertudung bagi pemohon perempuan dan bersongkok bagi pemohon lelaki]
 - (ii) Salinan kad pengenalan;
 - (iii) Salinan dokumen kelulusan akademik;
 - (iv) Salinan LPA [bagi guru yang berjawatan Guru Al-Quran / Bahasa Arab dari kalangan warga luar negeri yang berkhidmat di sekolah-sekolah swasta / kelas-kelas bimbingan]
3. Permohonan mendapatkan Tauliah hendaklah dikemukakan 6 bulan lebih awal daripada tarikh aktiviti mengajar /ceramah dijalankan.
4. Permohonan memperbaharui hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan sebelum tempoh tamat Tauliah Mengajar Ugama / Berceramah Ugama.
5. Permohonan yang dihadapkan kepada Jabatan Majlis Ugama Islam adalah dianggap pemohon telah bersedia untuk menjalani ujian temuduga pada tarikh yang akan dimaklumkan nanti.

MAJLIS UGAMA ISLAM
THE ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



مَجْلِسُ الْإِسْلَامِ فِي بَرْنَيْ
دَارُ السَّلَامِ

6. Borang permohonan yang telah lengkap diisikan boleh dihantar ke Jabatan Majlis Ugama Islam, Tingkat 3, Bangunan Tambahan KHEU atau melalui Email: Bhg.undang2.Muib@gmail.com

Disediakan oleh:
Jabatan Majlis Ugama Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.